

**BAB 10**  
**PENDIDIKAN ANAK-ANAK SEMASA PANDEMIK**  
**COVID-19**

*Noor Hisham Md Nawi*

**PENDAHULUAN**

Penulisan ini bermula dengan premis bahawa pendidikan yang berkesan bermula dengan makna pendidikan yang tepat dan bersambungan dengan konsep ilmu yang benar. Pendidikan tidak sama dengan pengajaran, sosialisasi dan indoktrinasi. Pendidikan bukan hanya semata-mata timbunan kumulatif pembelajaran yang difahami dan diamalkan. Pendidikan adalah gabungan kandungan dan proses yang benar dan bermakna serta memberi kesan yang lama kepada seseorang. Menjadi seorang guru dan mengajar para pelajar bukanlah sesuatu yang mudah. Namun, menjadi seorang guru yang berjaya mendidik para pelajarnya adalah perkara yang jauh lebih sukar. Berapa ramai guru yang berjaya mengajar pelajarnya dengan cemerlang tetapi gagal mendidiknya dengan baik. Demikian juga betapa ramai ibu bapa yang berjaya membesarkan anak-anak dan menyekolahkan mereka tetapi mereka gagal menjadi ibu bapa yang mendidik dengan baik.

**MEMAHAMI MAKNA PENDIDIKAN**

Berdasarkan analisis yang panjang, penulis merumuskan bahawa pendidikan seharusnya mengandungi lapan aspek berikut iaitu; a) pihak yang terlibat dalam kegiatan pendidikan, b) kandungan dalam kepelbagaian